

CNS2137

U GB 26-08 00195 BH069

bah

RAKYAT SEPATUTNYA NIKMATI HASIL HARGA IMPORT YANG RENDAH
Mahathir-harga (embargo: utk siaran selepas 10 malam 26 Ogos)

I

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru pengimport dan peniaga supaya memanjangkan kepada pengguna, faedah daripada harga import yang rendah bagi membendung inflasi.

+ (Mereka) tidak seharusnya mengambil kesempatan daripada ringgit yang kukuh dan menganggapnya sebagai keuntungan yang datang menggolek,+ katanya.

Kecenderungan untuk mengaut untung hasil kos yang rendah dan segera menaikkan harga ketika kos meningkat, harus diketepikan, katanya pada majlis makan malam tahunan Institusi Kewangan di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata kenaikan nilai ringgit sepatutnya menurunkan dengan banyaknya harga import serta mengurangkan pembayaran hutang luar, dan ini akan menguntungkan pengeluar, yang bergantung kepada bahan mentah import, dan rakyat, yang menggunakan barangan import.

Dengan memanjangkan kos yang menurun, inflasi dapat dikawal dengan lebih baik dan inflasi yang rendah akan mengurangkan tekanan untuk kenaikan gaji.

Ini, katanya, akan memberi faedah kepada pengimport bahan mentah dan juga pengeluar barangan kilang.

+Hasilnya ialah kita akan sentiasa berdaya saing dalam pasaran dalam dan luar negeri,+ katanya. -- Lagi

▼26/08/18-31MST

CNS2170

U GB 26-08 00129 BH070

bah

Mahathir-harga 2 Kuala Lumpur (embargo)

Perdana Menteri berkata pengambilan untung secara berlebihan, walaupun dalam keadaan apa sekalipun, akan menjejaskan semua pihak.

Katanya sekalipun kos meningkat, yang penting ialah membendungnya menerusi peningkatan kecekapan dan tidak semestinya menaikkan harga.

Menurut beliau, sebab orang Jepun sukar ditandingi ialah kerana semasa harga minyak melambung dan yen bernilai tinggi, mereka tidak menjadikannya sebagai alasan untuk menaikkan harga.

Dr Mahathir berkata ini mungkin satu perkara yang sukar diharapkan daripada masyarakat perniagaan Malaysia tetapi jika alasan ekonomi yang wajar tidak dapat diterima, kerajaan terpaksa campur tangan.

+Ini bukannya satu jalan keluar yang baik kerana penguatkuasaan peraturan tidak dapat lari daripada penyalahgunaan. Apabila ini terjadi, masyarakat dan negara akan menjadi mangsa,+ katanya. -- Lagi

▼26/08/18-52MST

CNS2198

U GB 26-08 00146 BH071

bah

Mahathir-harga 3 Kuala Lumpur (embargo)

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia menganggap kadar inflasi yang rendah di negara ini sebagai perkara biasa.

Mereka juga memandang inflasi sebagai sesuatu yang sepatutnya ditangani oleh kerajaan menerusi undang-undang, peraturan dan langkah fiskal.

+Tetapi, apa yang kerajaan boleh lakukan ada hadnya. Pendek kata, rakyatlah yang harus memainkan peranan utama,+ kata beliau.

Rakyat perlu tahu tentang punca inflasi, dan dalam soal ini, Dr Mahathir menyarankan agar masyarakat kewangan menggalakkan orang ramai memahami peranan masing-masing menerusi program sistematik dalam media, khususnya televisyen.

+Tiada siapa yang mahu mengeluarkan seratus ringgit untuk membeli sekeping coklat yang kini berharga hanya seringgit.

+Tetapi inilah yang terjadi terhadap banyak mata wang, bukan saja di negara membangun tetapi juga di negara maju.

+Kita juga akan ke situ jika kita tidak berhati-hati,+ katanya. -- Lagi

▼26/08/19-12MST

CNS2213

U GB 26-08 00079 BH072

bah

Mahathir-harga 4 (Akhir) Kuala Lumpur (embargo)

Perdana Menteri berkata kerajaan memandang berat soal menguatkuasakan ciri-ciri menetapkan harga secara kompetitif di kalangan peniaga untuk mengurangkan kos bagi faedah pengeluar dan pengguna.

Sebarang halangan atau peraturan ketat yang menyekat pengedaran barangan dan perkhidmatan perlu dilonggarkan.

Pengeluar harus mengambil kesempatan daripada kedudukan ekonomi sekarang untuk menyertai proses pengeluaran yang memerlukan modal banyak dan yang menggunakan teknologi tinggi, kata beliau. -- Bernama

▼26/08/19-29MST